

Headline	TNB serah RM1.37 juta bantu mangsa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	9
ArticleSize	100 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,162		



TNB serah RM1.37 juta bantu mangsa

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) semalam menyerahkan sumbangan RM1.37 juta kepada mangsa banjir terutama di Pahang dan Terengganu yang masih mengalami masalah bekalan elektrik berikutan bencana banjir yang melanda beberapa kawasan di negeri itu sejak beberapa hari lalu.

TNB dalam satu kenyataan media berkata, kawasan yang terjejas bekalan elektrik di Pahang adalah Kuantan, Maran, Pekan, Lipis, Jerantut, Bera, Temerloh dan Muadzam membabitkan 4,864 pengguna.

"Antara bantuan itu termasuk lebih 60 set jana kuasa berikutan 5,605 pengguna di Geliga, Chukai, bandar Al Muktafi billah Shah (AMBS), Cheneh dan Dungun di Terengganu turut mengalami masalah bekalan elektrik.

"Gangguan bekalan elektrik juga dikesan berpunca daripada 97

pencawang elektrik di Pahang dan 147 pencawang elektrik di Terengganu yang masih dihentikan tugas hingga kini," kata kenyataan itu semalam.

Sementara itu, TNB turut memaklumkan pihaknya mula menyalurkan pelbagai bantuan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan di Johor, Pahang dan Terengganu.

Selain set jana kuasa, pemberian barang keperluan asas turut disumbangkan seperti pakaian, masakan dan tilam kepada mangsa banjir yang mencatat 10,469 penduduk.

Barang-barang keperluan itu diserahkan di kawasan terpilih iaitu Kampung Paya Merah, Labis dan Sekolah Kebangsaan Bandar Mersing di Johor, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kuantan, Pejabat Daerah Kemaman dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu di Terengganu.